

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Dalam Negeri / Pg. 11
Date	Fri, 7th Oct 2016	Lead Article	Yes
Headline	Teraju Komited Kembangkan Syarikat Bumiputera		

Teraju komited kembangkan syarikat bumiputera



Satu lagi inisiatif yang diperkenalkan di bawah Teraju ialah Dana Teras. Dana ini diwujudkan selepas perniagaan bumiputera dilihat sukar mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan walaupun kerajaan menawarkan jaminan kredit di bawah Credit Guarantee Corporation (CGC) dan skim lain.

HUSNI SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif Teraju

Oleh **HUSNI SALLEH**
Ketua Pegawai Eksekutif Teraju

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Di saat Malaysia semakin menghampiri status negara maju, di antara perkara penting yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak ialah keseimbangan ekonomi antara kaum.

Kita telah memasuki fasa dalam pertumbuhan negara di mana penyertaan ekonomi secara seimbang oleh semua kaum amat penting bagi mengelakkan jurang ekonomi antara etnik bertambah luas. Jika dibiarkan, ia akan mengugat perpaduan kaum yang sudah lama menjadi tulang belakang Malaysia.

Tugas berat untuk memastikan kemakmuran negara dinikmati secara sama rata oleh semua kaum turut digalas oleh Teraju yang ditubuhkan lima tahun lalu bagi menyelaras dan mendorong penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara.

Namun sebelum membincangkan peranan Teraju, kita perlu mengiktiraf Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang telah berjaya mencapai objektif utamanya. Di bawah DEB, kadar kemiskinan bumiputera menurun daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 0.6 peratus pada tahun 2014.

Jurang pendapatan antara kaum juga semakin mengecil, pemilihan ekuiti korporat oleh bumiputera meningkat serta lebih ramai profesional bumiputera dilahirkan.

Tetapi kita tidak boleh alpa kerana perubahan akan sentiasa berlaku dan cabaran datang dalam pelbagai bentuk berbeza. Contohnya, isu pemilikan hartanah oleh bumiputera yang masih membeleggu negara walaupun banyak dasar diperkenalkan untuk mengatasi masalah ini.

Laporan Rancangan Malaysia Ke-11 menyebut kira-kira 21.2 peratus kaum bumiputera tidak memiliki sebarang hartanah kediaman. Sektor hartanah di Malaysia, sama ada kediaman atau komersial, masih dikuasai kaum lain terutama di bandar-bandar besar.

Dalam pasaran saham pula, hanya 114 daripada 919 buah syarikat tersenarai dikuasai oleh bumiputera. Berapa banyak daripadanya yang benar-benar berupaya untuk menyediakan peluang pekerjaan secukupnya kepada bumiputera? Kita tidak boleh bergantung kepada perusahaan kecil dan sederhana kerana 90.7 peratus daripadanya menggaji kurang daripada lima orang pekerja dan merekodkan hasil kurang RM300,000 setahun.

Di sinilah, Teraju memainkan perannya, bagi mengembangkan lagi syarikat bumiputera berprestasi



HUSNI SALLEH ketika majlis pertukaran dokumen perjanjian strategik di antara dua syarikat Teras, MGV Industries Sdn. Bhd. dan Les' Copague Sdn. Bhd., bagi menghasilkan minuman nutrisi berkualiti di bawah jenama "Upin Ipin" untuk diedarkan di seluruh negara dan pasaran eksport. Turut kelihatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

tinggi, kami melancarkan program Teras pada tahun 2011. Program ini membolehkan syarikat terlibat mendapat akses kepada peluang peniagaan baharu, pembiayaan, kakitangan berkemahiran tinggi serta khidmat nasihat daripada pelbagai agensi kerajaan.

Daripada 1,000 buah syarikat yang menyertai program Teras pada masa ini, kira-kira 70 peratus mempunyai prestasi membanggakan. Mereka memiliki pembiayaan yang diperlukan, memanfaatkan jaringan peniagaan secara berkesan dan mampu mengikuti program yang ditawarkan.

Tidak dinafikan ada juga syarikat yang menyertai program ini dengan mengimpikan bulan dan bintang sedangkan pada hakikatnya mereka sendiri perlu berusaha keras untuk memperbaiki perniagaan masing-masing.

Satu lagi inisiatif yang diperkenalkan di bawah Teraju ialah Dana Teras. Dana ini diwujudkan sele-

pas perniagaan bumiputera dilihat sukar mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan walaupun kerajaan menawarkan jaminan kredit di bawah Credit Guarantee Corporation (CGC) dan skim lain.

Punca sebenarnya ialah institusi kewangan menganggap perniagaan bumiputera lebih berisiko kerana kegagalan membayar pinjaman terdahulu. Jadi kami mula mencari idea untuk mewujudkan pendekatan baharu dan dari situ, lahirlah Dana Teras.

Berbekalkan dana sebanyak RM300 juta, kami berunding dengan pihak institusi kewangan untuk membantu meningkatkan pembe- rian pinjaman kepada syarikat bumiputera yang telah ditapis dan dicadangkan oleh Teraju. Inisiatif ini diterima baik oleh pihak bank.

Hari ini, fasiliti pinjaman bernilai kira-kira RM3.045 bilion (kebanyakannya pinjaman tanpa cagaran) telah disediakan oleh pihak Maybank, RHB Islamic, MIFD dan SME Bank

kepada syarikat bumiputera melalui inisiatif ini walaupun modal kami kekal sebanyak RM300 juta.

Ini bermakna kami telah mengagandakan nilai dana itu sehingga 10 kali lebih tinggi! Inisiatif ini telah memberikan manfaat kepada 284 buah syarikat Teras serta membolehkan lebih banyak syarikat Bumiputera mendapat bantuan.

Pendekatan ini terbukti berkesan dan diharapkan menjadi contoh kepada agensi kerajaan lain. Jika sesebuah agensi boleh memperuntukkan sebahagian daripada bajetnya untuk skim pembiayaan inovatif seperti ini, kebergantungan kepada kerajaan akan berkurangan dan lebih banyak pembiayaan boleh ditawarkan kepada perniagaan bumiputera.

Namun usah pula kita berprinsip bahawa kerajaan hanya menumpukan kepada pembangunan bumiputera. Setelah bekerja di dalam agensi kerajaan sejak lima tahun lalu, saya dapat melihat

sendiri bagaimana kerajaan tidak pernah menishtihkan kaum lain di Malaysia.

Pemubuhan Sekretariat Khas untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) dan Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia (SAME) membuktikan usaha kerajaan mengekalkan keseimbangan ekonomi.

Sebab itulah apabila saya diajukan soalan sama ada agenda bumiputera masih relevan pada hari ini, saya akan menjawab ya, ia masih diperlukan. Ini kerana masih terdapat jurang antara kaum dalam aspek ekonomi yang perlu ditangani. Kita perlu menyemak semula sebahagian pendekatan yang digunakan selain bersedia untuk berdepan dengan ekonomi hari ini yang lebih terbuka berbanding dahulu.

Kesan liberalisasi ini akan dibincangkan lebih mendalam melalui ruangan akan datang di bawah siri ini. Pembaca dialu-alukan untuk menghantar pendapat atau soalan ke husni.salleh@teraju.gov.my.